



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11 May 2015

## Tiada pihak boleh jatuhkan Najib: Ghapur

*BH - 11/5/2015*  
**Tawau:** Desakan Tun Dr Mahathir Mohamad supaya Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Ahli Parlimen Kalabakan, Datuk Seri Abdul Ghapur Salleh, berkata tiada mana-mana pihak lain boleh menjatuhkan Najib sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Katanya, Najib juga tidak perlu takut dengan tekanan pihak tidak bertanggungjawab kerana ahli UMNO, khususnya di Sabah tidak ragu-ragu untuk terus membelanya.

### Tak boleh terus jadi sasaran kritikan

Justeru, katanya, ahli UMNO tidak boleh membiarkan Najib terus menjadi sasaran kritikan dan cercaan kerana sebagai pihak yang memilihnya menjadi presiden dan pemimpin nombor satu negara, ahli UMNO perlu terus menyokong kepimpinan Perdana Menteri.

“Kita tidak mahu mendengar orang terus mengkritik pemimpin kita kerana kita yang memilihnya menjadi Perdana Menteri. Dalam UMNO kita yang memilihnya menjadi Presiden, manakala dalam Barisan Nasional (BN), kita juga memilihnya menjadi Pengerusi.

“Sehubungan itu, apabila dia dicerca oleh orang yang tidak bertanggungjawab, kalau kita tidak menyokongnya bererti kita dayus,” katanya berucap pada Perhimpunan Solidariti Rakyat Sabah Bersama Perdana Menteri, di sini semalam.

Najib bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang tiba kira-kira jam 4.15 petang disambut meriah kira-kira 40,000 rakyat yang membanjiri Padang Bandaran Tawau.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Menteri Belia dan Sukan Sabah yang juga Ketua UMNO Tawau, Datuk Ta-wfiq Abu Bakar Titingan.

“  
Apabila dia  
dicerca oleh  
orang  
yang tidak  
bertanggung-  
jawab, kalau  
kita tidak  
menyokongnya  
bererti kita  
dayus”

**Abdul Ghapur  
Salleh,**  
Ahli Parlimen  
Kalabakan